



**HO KONG SOON** pada sidang akhbar ketika mengumumkan kerjasama Matrix dengan Mcdonald di Bandar Seri Sendayan baru-baru ini.

## Matrix, McDonald meterai perjanjian

**PETALING JAYA** – Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix) telah memeterai perjanjian kerjasama dengan McDonald untuk pembukaan outlet terbaharunya yang menawarkan perkhidmatan makan di restoran dan juga pandu lalu di Bandar Seri Sendayan, Seremban.

Restoran seluas 21,000 kaki persegi itu akan dibina dalam hab komersial gaya hidup yang turut memiliki tarikkannya

tersendiri seperti Country Club, Matrix Global Schools, Sendayan X-Park, stesen minyak dan juga lot komersial serta pejabat.

Pengarah Urusan Matrix, Ho Kong Soon berkata, pembukaan outlet terbaharu McDonald membuktikan Bandar Seri Sendayan kini semakin maju, matang dan sibuk serta dalam masa yang sama dapat meningkatkan gaya hidup keselesaan bagi komuniti di kawasan berkenaan.

“Langkah strategik ini akan memberi manfaat kepada lebih 120,000 penduduk di kawasan Sendayan dan restoran ini dijangka mula beroperasi pada pertengahan pertama tahun depan,” katanya dalam kenyataan.

Perjanjian yang dimeterai baru-baru ini telah diwakili oleh Ho Kong Soon, manakala McDonald pula diwakili oleh Pengarah Urusan dan Rakan Operasi syarikat, Datuk Azmir Jaafar.